Dr Siti Nurazira menang anugerah

MENERIMA hadiah kemenangan daripada Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

Oleh Mohd Zaini Othman
rencana@mediaprima.com.my

Ahli akademik Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Dr Siti Nurazira Mohd Daud, menggondol Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal (Bidang Sains Sosial/Sastera) pada Majlis Anugerah Akademik Negara (AAN) 2011 dan 2012, baru-baru ini.

Pensyarah lulusan Sarjana Ekonomi dari Universiti Utara Malaysia dan Doktor Falsafah dari University of Southampton, United Kingdom menghasilkan jurnal bertajuk Revisiting The Role of External Debt in Economic Growth of Developing Countries.

Penulisan ini memfokuskan kepada kajian empirikal dan analisis data terkini bagi melihat pertalian hubungan antara hutang pertumbuhan ekonomi bagi negara-negara membangun.